

15/11/1997

Pembangkang turut kutuk Kongres Amerika

KUALA LUMPUR, Jumaat - Semua lapisan rakyat termasuk parti pembangkang hari ini mengutuk tindakan 27 ahli Kongres Amerika Syarikat yang meminta Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memohon maaf atau meletak jawatan.

Sambil menyifatkan tindakan itu sebagai campur tangan dalam sebuah negara demokrasi, mereka berpendapat kenyataan itu sebagai tidak bertanggungjawab dan menunjukkan kebiadapan Amerika.

Serentak itu, mereka menyatakan sokongan penuh kepada Dr Mahathir dan kerajaan dalam memelihara kepentingan Malaysia daripada pengaruh serta ancaman luar.

Setiausaha Agung MCA, Datuk Dr Ting Chew Peh, berkata draf yang dikemukakan oleh kumpulan itu memburukkan proses demokrasi dan tidak mempedulikan kemahuan rakyat Malaysia.

Menurutnya, tindakan tidak bertanggungjawab itu dilakukan oleh sebahagian kecil ahli Kongres Amerika yang tidak memahami kedudukan sebenar kenyataan yang dikeluarkan Perdana Menteri sebelum ini.

"Diharapkan isu ini tidak akan menggugat hubungan dua hala yang sudah lama terjalin antara kerajaan dan rakyat kedua-dua buah negara," katanya menerusi kenyataan akhbar yang dikeluarkan di sini hari ini.

Sementara itu, mesyuarat Jawatankuasa Pusat Gerakan petang ini memutuskan sokongan padu terhadap kepemimpinan Dr Mahathir serta menganggap usul anggota Kongres Amerika itu sebagai campur tangan terhadap pentadbiran negara.

Timbalan Presiden Gerakan, Datuk Kerk Choo Ting, berkata anggota Kongres itu perlu mengetahui keadaan sebenarnya sebelum bertindak sesuka hati berdasarkan laporan tidak rasmi.

Setiausaha Agung Parti Rakyat Malaysia (PRM), Dr Sanusi Osman, berkata tindakan ahli Kongres itu angkuh dan tidak demokratik.

Menurutnya, ahli Kongres Amerika tidak berhak menentukan siapa yang patut menjadi pemimpin. Sebagai sebuah negara berdaulat, Malaysia tidak memerlukan campur tangan orang lain dalam menentukan kepemimpinan negara.

"Sikap ahli Kongres ini menguatkan prasangka kita bahawa Amerika sentiasa anti kepada negara dunia ketiga dan negara Palestin selain sikapnya yang pro-Israel.

"Oleh itu, PRM mengutuk tindakan ahli Kongres terbabit dan meminta kerajaan tidak tunduk kepada tekanan itu," katanya.

Sementara itu, dalam surat kepada Presiden Amerika, Bill Clinton, Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim), Ahmad Azam Abdul Rahman, berkata pertubuhan itu berdiri teguh di belakang kepemimpinan Perdana Menteri dan kerajaan dalam menangani isu ini.

"Selain itu, Abim juga menyokong langkah kerajaan tidak berganjak menghalang penyiasatan Amerika ke atas syarikat Malaysia yang melabur di Iran, kerana ia tidak membantu mewujudkan keamanan dan kestabilan dunia," katanya.

Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia, Zainal Rampak, pula meminta Kongres Amerika menarik balik draf resolusi yang dikemukakan itu dan berharap ia dapat diselesaikan dengan baik demi kebaikan hubungan kedua-dua negara.

Menurutnya, MTUC menyokong penuh dan tidak berbelah bagi terhadap kepemimpinan Dr Mahathir dan timbalannya dalam memelihara kepentingan negara ini.

"MTUC menolak sekeras-kerasnya tindakan ahli Kongres terbabit kerana cuba menggugat kedaulatan negara dan mensabotaj kemerdekaan negara ini," katanya.

Di SEREMBAN, Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Samad, berkata rakyat harus faham tindakan ahli Kongres itu sebenarnya bertujuan mencemar imej pemimpin negara dan Malaysia keseluruhannya.

"Barat sebenarnya irihati dengan kewibawaan pemimpin negara dan tidak senang dengan kemajuan yang dinikmati oleh rakyat negara ini dari segi ekonomi, teknologi dan industri.

"Oleh itu, rakyat perlu bersatu dan berdiri teguh di belakang pemimpin untuk menghadapi kumpulan terbabit," katanya.

Di KUANTAN, Gabungan Dewan-Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCIM) meluluskan resolusi khas menyokong sepenuhnya kepemimpinan Dr Mahathir dalam menerajui kerajaan.

Resolusi itu dikemukakan Presiden ACCCIM, Tan Sri Wee Boon Ping pada Mesyuarat Agung Tahunan ke-51 gabungan itu di sini hari ini.

(END)